

Kertas Asli/Original Articles

Kajian Rintis Penilaian Literasi Digital: Kesiediaan Guru Prasekolah Menggunakan Platform Pembelajaran dalam Talian untuk Pendidikan Pemakanan (A Pilot Study Assessing Digital Literacy: Preschool Teachers' Readiness to Use Online Learning Platforms in Nutrition Education)

CHONG YI TING, POH BEE KOON, RUZITA ABD. TALIB, KOH DENISE, WOO PIK XUAN, NELSON GEORGIA LIVAN, CHEAH WHYIE LIAN, LEE JULIA AI CHENG, YATIMAN NOOR HAFIZAH, ESSAU CECILIA A., REEVES SUE, SUMMERBELL CAROLYN AND GIBSON EDWARD LEIGH

ABSTRAK

eToyBox merupakan platform pembelajaran dalam talian untuk guru prasekolah bagi meningkatkan literasi kesihatan dan seterusnya memperbaiki tingkah laku kanak-kanak yang berkaitan obesiti. Penilaian terhadap literasi digital, penerimaan bahan pendidikan digital, dan cabaran penggunaan program pendidikan berasaskan internet diperlukan sebelum pembangunan eToyBox. Seramai 54 orang guru prasekolah Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS) di Kuala Lumpur, Selangor, dan Sarawak yang terlibat dalam fasa intervensi ToyBox Study Malaysia pada tahun 2018 telah menyertai kajian keratan rentas ini. Soal selidik dalam talian diedarkan untuk menilai maklumat sosiodemografi, penggunaan alat komunikasi dan media, dan pandangan guru tentang penyesuaian modul ToyBox kepada bahan pendidikan digital. Subjek telah dihubungi, dan pautan soal selidik dikongsi melalui aplikasi WhatsApp. Kebanyakan subjek (74.0%) adalah perempuan Melayu yang berumur 31 hingga 40 tahun. Kebanyakan subjek mempunyai akses internet (94.4%) dan memiliki sekurang-kurangnya telefon pintar, komputer riba atau tablet (94.4%). Majoriti subjek (75.0%) melaporkan kecekapan penggunaan teknologi pada tahap sederhana. Jumlah 65.0% subjek menilai kemahiran mereka dalam pemprosesan perkataan dan emel pada tahap mahir atau lebih tinggi; namun, hanya 22.0% dilaporkan untuk kemahiran hambaran elektronik lejar. Halangan utama untuk mengakses bahan pendidikan dalam talian ialah gangguan internet (74.1%). Kebanyakan subjek (90.0%) menyokong penyesuaian modul kepada pembelajaran dalam talian dan yakin bahawa ini akan memberi manfaat terhadap pembangunan profesional dan amalan pengajaran guru prasekolah. Kesimpulannya, majoriti subjek mempunyai tahap literasi digital yang sederhana dan bersedia menjalani pembelajaran serta pengajaran dalam talian. Hasil kajian ini boleh memberi panduan kepada pembangunan bahan pembelajaran dalam talian untuk guru prasekolah di Malaysia pada masa hadapan.

Kata Kunci: kesiediaan guru, literasi digital, pembelajaran dan pengajaran dalam talian, pendidikan pemakanan

ABSTRACT

eToyBox is a learning management system for preschool teachers to improve their health literacy, which ultimately aims to improve children's obesity-related behaviour. As part of the development process of eToyBox, assessment on digital literacy, acceptance of digitization of education materials, and perceived barriers in adopting online learning is needed. Fifty-four preschool teachers under the Community Development Department (KEMAS) in Kuala Lumpur, Selangor, and Sarawak, who participated in ToyBox Study Malaysia intervention in 2018, took part in this cross-sectional study. An online self-administered questionnaire was used to assess sociodemographic background, use of communication tools and media, and teacher's views on adapting the ToyBox modules to digital education materials. Respondents were contacted, and questionnaire link was shared through WhatsApp messages. Most participants (74.0%) were Malay females aged 31 to 40 years old. Most participants had internet access (94.4%) and owned at least a smart phone, laptop or tablet (94.4%). Participants perceived their computer skills to be average (75.0%). Majority of respondents (65.0%) reported advanced and higher abilities in word processing and email, but only 22.0% in spreadsheet skills. The main barrier to accessing online material was unstable internet connection (74.1%). Most respondents (90.0%) agree that adapting effective modules to online learning will be beneficial for professional development and teaching practices. In conclusion, most participants supported digitizing Toybox Study Malaysia educational content and were comfortable

with its implementation via an online learning platform. The findings from this study can advise future development of online learning materials for preschool teachers in Malaysia.

Keywords: digital literacy, online learning and teaching, teacher readiness, nutrition education

PENGENALAN

Masalah kesihatan yang berkaitan dengan pemakanan, seperti obesiti atau berat badan berlebihan, adalah lazim dalam kalangan kanak-kanak dan ia telah meningkatkan kepentingan pendidikan pemakanan di sekolah (DiMaria-Ghalili et al. 2014). Kekurangan dalam pengawalan berat badan kanak-kanak mungkin membawa kesan negatif kepada kesihatan fizikal dan mental kanak-kanak, seperti isu kesihatan fizikal, kurang keyakinan diri, prestasi akademik yang rendah, stres, dan risiko penyakit tidak berjangkit (non-communicable disease, NCD) yang lebih tinggi, di mana risiko ini dijangka akan kekal sehingga peringkat dewasa (Bacha & Gidding 2016; Beck 2016). Walaupun kadar berlebihan berat badan dan obesiti dalam kalangan kanak-kanak menunjukkan tren penurunan baru-baru ini. Di Malaysia, laporan Tinjauan Kebangsaan Kesihatan Malaysia yang terkini mendapati 5.6% kanak-kanak berumur bawah 5 tahun mempunyai isu berat badan berlebihan dan obesiti (Institut Kesihatan Umum 2022). Oleh itu, usaha bagi mencegah risiko obesiti dalam kanak-kanak di Malaysia masih diperlukan.

Tabiat pemakanan kanak-kanak dibentuk sejak dari peringkat umur yang muda (Auld et al. 1998). Oleh itu, prasekolah merupakan tempat yang ideal untuk mewujudkan kesedaran dan menyampaikan pengetahuan asas pemilihan makanan yang sihat dan sesuai kepada kanak-kanak bagi mencegah risiko obesiti pada peringkat perkembangan yang kritikal ini (Clarke et al. 2013). Dengan ini, guru merupakan agen yang penting dalam menyebarkan ilmu pemakanan yang tepat kepada kanak-kanak (Liu et al. 2018). Walau bagaimanapun, kebanyakan guru menghadapi kekangan termasuk kekurangan bahan panduan pengajaran dan kekurangan masa dalam menjalankan pendidikan pemakanan di sekolah (Hall et al. 2016). Salah satu pendekatan untuk menangani masalah ini adalah dengan menawarkan kursus pembelajaran dengan menyediakan bahan pendidikan pemakanan melalui platform pembelajaran dalam talian. Pandemik COVID-19 telah menjadi salah satu faktor penyumbang kepada pemecutan proses pembelajaran berasaskan web, pelaksanaan pembelajaran jarak jauh atau dalam talian telah diperkenalkan kepada seluruh dunia dan pada semua peringkat pendidikan (Castro & Tumibay 2021; Fauzi & Khusuma 2020), termasuk peringkat prasekolah (Lapada

et al. 2020). Sistem pembelajaran berasaskan web juga diguna secara meluas sebagai medium untuk memperkembangkan kecekapan profesional dan ilmu pengajaran guru (Sheridan & Wen 2021).

Oleh itu, pembelajaran tentang pengajaran tabiat sihat berasaskan web merupakan cara pembelajaran yang paling sesuai, fleksibel dan selesa untuk guru prasekolah. Selain itu, ia juga boleh menyokong pembelajaran sepanjang hayat dalam kalangan pendidik prasekolah bagi memastikan kualiti pengajaran terhadap ilmu pemakanan boleh ditingkatkan mengikut perkembangan semasa tanpa mengira masa dan lokasi. Namun, platform pembelajaran dalam talian bagi pendidikan pemakanan yang dicipta khas untuk guru prasekolah masih kurang dijumpai di Malaysia. Maka, dalam usaha untuk meningkatkan ketersediaan dan kebolehcapaian maklumat pendidikan pemakanan kepada lebih ramai guru prasekolah di Malaysia, kajian ini telah mengubahsuaikan modul *ToyBox Study Malaysia* (2018) kepada format digital dengan membangunkan platform pembelajaran dalam talian, eToyBox. *ToyBox Study Malaysia* merupakan program pencegahan risiko obesiti kanak-kanak prasekolah di Malaysia. Program ini menyokong tunjang perkembangan fizikal dan estetika dalam kurikulum prasekolah Kementerian Pendidikan Malaysia, di mana ia memberi tumpuan kepada empat tingkah laku yang berkaitan dengan keseimbangan tenaga, iaitu minum air, makanan dan snek sihat, meningkatkan aktiviti fizikal dan mengurangkan tingkah laku sedentari (Reeves et al. 2018).

Walaupun pembelajaran dalam talian membantu para pendidik untuk meningkatkan kemahiran pengajaran mereka, tetapi tidak dapat dinafikan masih terdapat cabaran yang boleh mengehadkan penggunaannya. Menurut laporan kajian pengguna internet tahun 2022, kekurangan keyakinan dan kemahiran digital merupakan salah satu faktor yang mempengaruhi rakyat Malaysia untuk tidak mengguna internet (Suruhanjaya Komunikasi Dan Multimedia Malaysia 2022). Sikap dan literasi digital terhadap penggunaan pembelajaran dalam talian adalah elemen penting dalam menentukan keyakinan seseorang untuk menerima kemudahan teknologi ini (Prior et al. 2016). Beberapa kajian telah mendapati guru Malaysia memiliki tahap kemahiran digital yang tinggi (Alakrash & Abdul Razak 2021; Kuppusamy & Norman 2021). Namun tahap kecelikan digital antara para guru prasekolah di Malaysia masih kurang dikaji. Selain itu, kebanyakan